

03/01/2001

Komputer skim KWSP lebih mahal

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Harga komputer di bawah skim pemilikan komputer Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka sekurang-kurangnya 7.5 peratus lebih tinggi berbanding harga pasaran semasa.

Pengerusi pro-tem Persatuan Usahawan Komputer Malaysia, Elwin Hong, berkata peningkatan itu tidak dapat dielakkan kerana setiap urusan jual beli terpaksa melalui tiga badan berbeza tiba ke tangan pembeli.

Mengikut skim itu, KWSP melantik dua wakil jualan iaitu Pos Malaysia dan Bank Simpanan Nasional (BSN), manakala urusan pesanan pula diselaras syarikat pesanan pos, Odasaja (M) Sdn Bhd (Odasaja).

Elwin berkata, wakil Odasaja, syarikat tunggal yang dilantik menerima pesanan komputer di bawah skim KWSP, baru-baru ini menemui pemilik syarikat komputer dan menawarkan peluang menjadi pembekal.

Beliau berkata, dalam surat tawarannya, Odasaja menetapkan dalai 7.5 peratus bagi pembelian setiap komputer, manakala semua urusan surat perjanjian jual beli dan penerimaan bayaran akan dikendalikan syarikat berkenaan.

"Secara ringkas, pencarum KWSP memilih komputer di kedai pembekal berdaftar dengan Odasaja, yang akan menguruskan kutipan bayaran daripada KWSP dalam tempoh 30 hari selepas penghantaran dibuat oleh Pos Malaysia.

"Pembekal kemudian menerima bayaran daripada Odasaja, yang mengambil dalai 7.5 peratus, walaupun hanya menjadi orang tengah tanpa menjual sebarang produk atau menyediakan apa-apa khidmat teknikal selepas jualan," katanya kepada Berita Harian.

Elwin berkata, kira-kira 5,000 ahli PUKM yang menerima surat tawaran Odasaja minggu lalu tidak berpuas hati kerana tindakan syarikat itu hanya membebankan pembeli memandangkan kos tambahan akan disalurkan kepada mereka.

"Penjual lazimnya mendapat keuntungan antara lima hingga lapan peratus bagi setiap jualan komputer tetapi bagi skim KWSP, kadar keuntungan terpaksa dinaikkan sehingga 15 peratus untuk menampung kos dalai yang terpaksa dibayar kepada Odasaja," katanya.

Di bawah skim pemilikan komputer KWSP, setiap pencarum boleh mengeluarkan sehingga RM3,500 daripada carumannya untuk pembelian komputer tetapi model pilihan terhad kepada pembekal yang berdaftar dengan Odasaja.

Oktober lalu, Kabinet memutuskan bahawa semua penjualan komputer skim KWSP diuruskan BSN dan Pos Malaysia untuk mengelak penyelewengan.

Pos Malaysia kemudian melantik Odasaja bagi mendapatkan pembekal, menguruskan pembayaran dan khidmat lain yang berkaitan. BSN dan Pos Malaysia hanya menumpukan perhatian terhadap melatih kakitangannya bagi menguruskan penghantaran dan pemasangan komputer.

Elwin berkata, kaedah itu tidak masuk akal kerana bukan mudah bagi melatih seseorang dalam aspek teknikal pemasangan komputer. Malah, katanya, ia juga kurang rasional kerana syarikat komputer memang boleh melakukan tugas itu.

Sebagai alternatif, beliau mencadangkan supaya KWSP berurusan terus dengan persatuan itu, yang hanya dianggotai syarikat jualan komputer berdaftar serta menyediakan perkhidmatan selepas jualan.

"Ini memudahkan KWSP membuat pemantauan manakala persatuan pula akan menetapkan syarat ketat bagi memastikan tindakan tegas diambil terhadap mana-mana syarikat yang didapati menyeleweng," katanya.

Persatuan itu sudah menyampaikan memorandum mengenai cadangan itu kepada

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika majlis rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Di PULAU PINANG, Persatuan Peniaga dan Industri Komputer Utara Malaysia meminta kerajaan memberi kebebasan kepada pencarum KWSP untuk membeli komputer dari mana-mana syarikat yang mereka pilih.

Bendaharinya, Lau Kim Huat, berkata pencarum sepatutnya hanya dikehendaki mengemukakan sebut harga komputer daripada syarikat yang dipilih itu untuk dikemukakan kepada KWSP.

"Kerajaan boleh membendung penyalahgunaan wang pembelian komputer itu dengan mengeluarkan cek atas nama syarikat komputer, yang dialamatkan kepada pencarum terbabit," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata, cara itu dapat menjimatkan masa dan memudahkan proses pembelian komputer oleh pencarum berbanding proses permohonan sekarang yang perlu melalui pihak ketiga.

Persatuan itu mempelawa peniaga komputer di seluruh negara menghadiri satu perjumpaan bagi membincangkan perkara itu Khamis ini di Hotel Berjaya Georgetown, di sini.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Rose Wong (019-4490572), George Teh (019-4456995) atau beliau sendiri (016-4159844).

(END)